

*Warkah*  
**P S M**  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA



*Martabatkan Sejarah Malaysia*

## KONGRES BUDAYA 2017



Pada 15 April 2017, Kongres Budaya 2017 telah dilangsungkan di Universiti Kebangsaan Malaysia di Bangi. Kongres ini dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia, khususnya diterajui oleh Pejabat Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, dengan kerjasama pelbagai pihak. Ini ialah kali kedua kongres budaya diadakan selepas kongres yang pertama dalam tahun 1971. Kongres di rasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak.

Kongres Budaya di abad ke-21 ini jelas diadakan bagi menjawab persoalan pokok "Apakah nilai kehidupan kita meningkat ke paras budaya tinggi atau kita terus menjadi masyarakat pengguna yang leka menggunakan nilai dan ciptaan orang lain dari luar?". "Budaya" bermaksud "CARA HIDUP yang mencakup WARISAN dan SENI serta amalan nilai-nilai tinggi melalui BUDI" seperti disebut dalam rasional kongres ini.

Kongres Budaya kali kedua ini inginkan Transformasi National (TN50) yang dirancang kerajaan, "terisi prinsip dan amalan ... yang berupaya memancang keperibadian kita sendiri".

Kongres Budaya abad ke-21 ini juga mengingatkan semula

bahawa negara mempunyai Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dilahirkan di Kongres Budaya tahun 1971 di mana ditetapkan ia didasarkan kepada budaya rakyat rantau ini, sementara amalan budaya masyarakat lain diterima sebagai budaya sampingan.

Kongres Budaya ini mengharapkan kerajaan akan menerajui "pembudayaan hidup anak Malaysia". Kongres menyatakan kebimbangan dengan "pendidikan am secara moden mendapat perhatian utama", manakala "budaya, warisan dan kesenian" tidak perah diambil berat.

Dalam memperbincangkan Budaya Tinggi, mesej di Kongres ini ialah, kehidupan moden yang dipelopori Barat memang berguna bagi "meningkatkan kehidupan fizikal", malangnya kehidupan moden ala Barat/asing ini seperti kata Tan Sri Rais Yatim, Pensihat Sosio-Budaya kepada Kerajaan Malaysia, telah "menukar cara berfikir dan intisari kehidupan" rakyat Malaysia "sehingga budaya asas sendiri menghilang. Cara berfikir dan bertindak ala Melayu yang berbudi dan berhemah menghilang. Asuhan dan struktur pimpinan politik tidak lagi memberatkan keutuhan perasaan malu dan budi. Bahasa Melayu diketepikan sebagai bahasa ilmu dan sebagai bahasa perdagangan. Ia hanya sebagai bahasa komunikasi dan bahasa kebangsaan". Ini bermaksud berbudaya tinggi menunjuk kepada pertuturan, tingkah laku, penyesuaian diri mengikut adat resam, sikap, usaha, dan ekspektasi, termasuk juga kesedaran dan pemeliharaan alam.

Mesej yang disampaikan ialah jangan dunia yang menggubal kita. Dan, jangan tamadun kita punah. Adalah barang diingatkan juga bahawa Tamadun Bangsa itu melewati sempadan politik. Kesedaran akan Alam Melayu yang luas perlu diterapkan.

Kongres menghasilkan 11 resolusi yang telah disampaikan kepada Perdana Menteri. Resolusi Kongres akan juga disampaikan kepada Raja-raja Melayu. Paling utama kerajaan diminta mewujudkan satu Kementerian Kebudayaan dan Warisan (tanpa, dicantumkan dengan pelancongan), dan diwujudkan satu Majlis Penasihat Pembudayaan untuk menegakkan budaya tinggi dan budaya kebangsaan dalam masyarakat. (Artikel ini disumbangkan oleh Mohd Arof Ishak).

### Menarik di dalam:

**MENARIKAH KITA DENGAN SANG NAGA?**

Muka  
5

**BRITISH LIBRARY**

Muka  
8

**DATO' SETIA WANGSA SIR MAHMUD MAT**

Muka  
12

**PRESIDEN**

**YAB DATO' SRI NAJIB TUN RAZAK**

**NAIB PRESIDEN**

**MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**MENTERI KEBUDAYAAN DAN**

**PELANCONGAN MALAYSIA**

**PENGERUSI JAWATANKUASA EKSEKUTIF**

**TAN SRI DATO' HAJI OMAR MOHD HASHIM**

**(FELO PSM)**

**TIMBALAN PENERUSI**

**DATO' HAJI JUMAAT DATO' HAJI MOHD NOOR**

**(FELO PSM)**

**SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT**

**HAJI MD ISA HAJI ZAKARIA (FELO PSM)**

**BENDAHARI AGUNG KEHORMAT**

**HAJI ABDUL RAHMAN MOHD ALI (FELO PSM)**

**PENGARANG KEHORMAT**

**PROF EMERITUS DATO' DR. ABDULLAH ZAKARIA GHAZALI**

**(FELO PSM)**



**SIDANG REDAKSI**

**DR ZAHIDI DATO' HAJI ZAINOL RASHID (KETUA EDITOR)**

**DRS WAN AMINUDDIN ABD HAMID**

**RAMLAH HJ MUHAMMAD**

**MOHD AROF ISHAK**

Warkah PSM diterbitkan oleh:

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA**

Aras 3, Anjung, Wisma Sejarah,

230, Jalan Tun Razak,

50400, Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 2681 5388 / 2681 6388

Faks : 03 - 2681 4388

Email : psejma@gmail.com /

sej@psm.org.my

**KONGRES BUDAYA 2017**  
**11 Resolusi Teras TN50**

- Mendukung Transformasi Negara (TN50) dengan penerapan nilai-nilai budaya yang tinggi agar semangat dan roh dasar itu berterusan.
- Pemimpin mengangkat Parlimen, jabatan kerajaan dan swasta serta institusi perlu berbudaya tinggi supaya diteladani oleh masyarakat.
- Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Bahasa Kebangsaan difahami dan dimulihkan.
- Rukun Negara dan kenegaraan diteraskan melalui kuasa perundangan.
- Dasar Dual Language Programme (DLP) mesti menggalakkan bahasa kebangsaan.
- Sistem pendidikan menjadi saluran utama pembinaan budaya tinggi.
- Identiti kebangsaan diutamakan apabila menamakan taman perumahan, jalan, institusi awam dan swasta serta untuk rakyat.
- Capaian ekonomi bumiputera disediakan supaya tiada jurang antara kaum di Malaysia.
- Wujudkan pelbagai kreativiti menerusi industri seni kreatif untuk menggalakkan budaya tinggi.
- Majlis Raja-Raja sama-sama bertindak bagi menjamin kedaulatan Raja Berperlembagaan dan menjamin tujuh wasiat raja-raja Melayu.
- Tubuhkan Majlis Penasihat Pembudayaan Tinggi dengan tugas utama menasihati dan bertindak bagi menjamin kewujudan masyarakat berbudaya tinggi.

## Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif



**Tan Sri Dato' (Dr) Hj Omar Mohd Hashim**

Pengerusi  
Jawatankuasa Eksekutif  
Persatuan Sejarah Malaysia

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bertemu kembali pada keluaran ini. PSM sebagai sebuah NGO telah menjadi sebuah organisasi yang bertahan lama, tersusun rapi di bawah pimpinan yang amanah dan mendapat pengiktirafan masyarakat serta juga kerajaan akan peranannya. Semuanya ini adalah atas usaha dan titik peluh ahli dan pemimpin PSM di cawangan dan ibu pejabat yang berjuang secara senyap-senyap serta ikhlas merealisasikan perjuangan dan misi PSM sejak berdekad dahulu. Pada saat kita mengingati saat pengasasan PSM ini, marilah kita sedekah Al-Fatihah kepada semua rakan kita yang telah meninggalkan kita lebih awal lagi dan berdoa agar roh mereka ditempatkan di kalangan orang beriman.

Pada usia 64 tahun ini, apakah prestasi kita telah bergerak mengikut sasaran? Salah satu tujuan kita ditubuhkan ialah untuk memasyarakatkan sejarah khasnya di kalangan golongan muda. Kita telah menjalankan pelbagai program kesejarahan untuk masyarakat ilmu. Dalam hal ini kita merasa bangga dengan pencapaiannya.

Kita telah memupuk kesedaran orang ramai tentang soal-soal warisan dan membantu kerajaan dalam

meningkatkan pembelajaran sejarah di sekolah. Kita terlibat secara aktif dan berkesan dengan usaha-usaha pembaharuan kurikulum sejarah kementerian pelajaran. Kita telah menggesa supaya kementerian mengambil tindakan memperbaiki pengajaran di sekolah supaya sejarah dijadikan mata pelajaran wajib dipelajari dan diperiksa bagi semua murid di seluruh persekolahan.

Kita boleh berasa bangga bahawa PSM dapat hidup sebagai NGO yang tanpa putus asa memperjuangkan satu cita-cita yang walaupun belum tercapai sepenuhnya sudah menjanjikan zaman-zaman yang lebih gemilang. Kita sudah mempunyai ibu pejabat sendiri tersergam yang amat bernilai yang dapat dijadikan markas operasi PSM secara yang lebih sistematik dan berkesan. Secara senyap-senyap kita PSM sudah dewasa dan sudah mendapat pengiktirafan umum.

Kepada semua ahli majlis dan ahli jawatankuasa eksekutif, saya rakam ribuan terima kasih. Sokongan dan semangat yang diberi hari ini akan memperteguhkan keazaman PSM untuk terus berusaha memajukan kepentingan sejarah dari segi penghayatan yang tinggi oleh masyarakat umum dan pembelajaran anak bangsa.

## Catatan Editorial

Alhamdulillah bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bertemu dalam keluaran kali ini. Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyumbang artikel pada keluaran ini iaitu Dato' Hj Jumaat Dato' Hj Mohd Noor, Mohd Arof Ishak, Drs Wan Aminuddin Wan Abd Hamid, Hj Md Isa Hj Zakaria. Dato' Hj Jumaat Dato' Hj Mohd Noor menulis tentang Menarikah kita dengan Sang Naga?, Encik Mohd Arof Ishak menulis tentang Kongres Budaya 2017, Drs Wan Aminuddin menulis tentang Dato' Mahmud Mat dan Hj Md Isa Hj Zakaria menulis tentang British Library. Setakat ini sahaja untuk keluaran ini, kita bertemu di keluaran yang akan datang.

Sekian terima kasih.

**Dr Zahidi Dato' Zainol Rashid**  
Ketua Editor  
Buletin Warkah  
Perstuan Sejarah Malaysia

# PSM DI SANA SINI

## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN SELANGOR

### UCAPAN TAKZIAH

Dr Azhar Mat Aros, pensyarah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya telah meninggal dunia pada jam 4.00 petang, 26 Mei 2017. Allahyarham merupakan salah seorang ahli seumur hidup PSMS. Dilahirkan pada 1 November 1958 di Kuala Langat dan berketurunan Bugis. Banyak juga sumbangan dan jasa bakti Allahyarham kepada PSMS. Salam takziah diucapkan kepada keluarga, sanak saudara Allahyarham. Marilah kita doakan agar Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN SABAH

### PERSATUAN SEJARAH PERLU TAMPIL JIKA ADA KESILAPAN FAKTA



Dato' Kamarlin Ombi  
Pembantu Menteri  
Pelancongan,  
Kebudayaan dan Alam Sekitar  
Sabah

Yang Berhormat Dato' Kamarlin Ombi, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah berkata sekiranya fakta yang salah diberikan ia akan memberi kesan buruk kepada generasi akan datang. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Galeri Keretapi di Muzium Sabah. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sabah perlu tampil bagi memperbetulkan fakta yang tidak betul yang disebarikan melalui mana-mana saluran maklumat.

## PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN TERENGGANU

### BUKU TERBARU TERBITAN PSMCT

PSMCT dan Penerbit UMT telah menerbitkan buku biografi bertajuk "Misbaha: Putera Jalan Tok Lam Tokoh Persuratan, Keagamaan, Kebajikan dan Pensejarahan Terengganu". Buku ini ditulis oleh Hamdan Aziz dan Kamarul Aripin Ismail.



# MENARIKAH KITA DENGAN SANG NAGA?

## (Naratif Malaysia-China di Abad 21)

Oleh  
DATO' HAJI JUMAAT DATO' HAJI MOHD NOOR

### MUKADIMAH

"China is a dragon. America is an eagle.  
Britain is a lion. When the dragon wakes up,  
the others are all snacks."

Jin Canrong,  
Professor of International Relations  
at Renmin University, Beijing.

1. Menarik kita dengan Sang Naga?  
Mahu kita bertanyakan perihal Negara.  
Ghairah amat berhubungannya di negara China.  
Menjalin diplomasi begitu ketara.
2. Pak Menteri Perdana mahu membuktikan.  
Inilah masanya menghebatkan pimpinan.  
TN50 disogokkan sebagai landasan pembangunan.  
Negara China boleh menjayakan dalam kebersamaan.
3. Ogos 2016 berangkatlah rombongan.  
Bertemu muka rapat berbincangan.  
Terkemuka dirundingkan hal perdagangan.  
Namun diplomasi sulit juga dibicarakan.
4. Beijing menjadi destinasi pilihan.  
Dikiblatkan Negara sepenuh perhatian.  
Masa-masa mendatang amat diperkirakan.  
Kebangkitan China mahu serba dimanfaatkan.
5. Sentimen persahabatan tidak ragu-ragu dilafazkan.  
Sejarah terdahulu telah dibuktikan.  
Jejak diplomasi 1974 tetap dimasyhurkan.  
Kedua-dua negara gembira bersahabatan.
6. Saban ketika tidak lupa China membayangkan.  
Malaysia adalah teman terawal bersetiakawan.  
Justeru saling bertimbal balik merencana kehidupan.  
Pastinya terhasil bersama hasrat berkemakmuran.
7. Apa pun dilihat dalam rangka globalisasi terkini.  
Hakikatnya China itu adalah sosoknya gergasi.  
Malaysia yang ghairah ke arahnya mendekati.  
Membawa kapasiti kerdil berserba kontroversi.
8. Ke pentas dunia dipermaklumkan untuk disaksi.  
China gigih membina kuasa mahu mendominasi.  
Peta laluan rangkaian dagang yang tampil diisytiharkan.  
Di daratan benua juga di lautan tertera, sebagai kesimpulan.
9. Ke perhatian antarabangsa, rancangan OBOR pada 2013 dimegahkan.  
Membawa erti One Belt and One Road beriringan.  
One Belt menghidupkan kembali Laluan Sutera yang bersejarah.  
One Road pula merintis laluan Sutera Maritim yang baru dilakarkan.
10. Dengan OBOR, China berazam memberitahukan.  
Itulah gagasan hubungan yang mahu dikesankan.  
Dalam realiti perkembangannya yang persis dilaksanakan.  
Negara-negara terkait wajar merasakan berkepentingan.
11. OBOR dibayangkan selaku senario mega perdagangan.  
Induk China yang menajakan pengkalan.  
Memberikan perakuan hubungan kesetiakawanan.  
Di abad 21 saling membina idaman kemakmuran.

12. Negara China dengan penampilan ekonomi begitu perkasa. Selayaknya menggamit rantau Asia memberikan sanjungan terbuka. Membuat pilihan alangkah baik mereka menari dengan Sang Naga. Dikatakan bersama memartabatkan keberuntungan yang tidak terkira.
13. China merancang dengan amat teliti berpandangan. Agar negara berkepentingan yang berhasrat berhubungan. Boleh diperbantukan seberapa cara bertaksiran. Segala pembangunan infrastruktur setempat terbuka dimajukan.
14. Amat besar sekali dana pembangunan yang diwujudkan. Melaluinya pintar sekali China membuka pintu bantuan. AIIB Bank membantu Pelaksanaan Infrastruktur SeAsia yang disasarkan. Bermodalkan RM160 Billion sungguh “menawankan”.
15. Sungguh tidak kecil ini diwujudkan sebagai dana. Terhadapnya terpengaruh sekali Negara-Negara Asia memulakan bicara. Politik China mahukan mereka membuka minda. Bahawa AIIB itu sebesar-besar saingan kepada Bank Dunia.
16. Ketika ini seluruh Asia memberikan sebaik-baik tumpuan kepada RCEP. Inilah Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau. Dalam lingkungan badan ini, amat berpotensi ke hadapan. Politik China pasti pintar menanamkan kemasalahatan.
17. Kuasa Ekonomi China jelas berbangkit sebagai juara. Berdiri tegak sebagai pesaing Amerika penuh bertenaga. Dengan demikian terjadilah situasi bipolar yang akan menduga. Negara-Negara bekepentingan membuat pilihan perhubungan penuh waspada.
18. Politik Bipolar Peperangan Dingin sudah berlalu. Ideologi demokrasi menentang komunisme kelihatan tidak begitu relevan. Namun politik bipolar di rantau Asia yang diserlahkan. Tentunya merupakan persoalan kritikal mencabar kewarasan.
19. Itulah perakuan janji-janji politik China. Segala ikatan hubungan dibuat teratur berencana. Dikatakan Sang Naga sudah lama tidur terlena. Kini pula muncul ketikanya mencelikkan dunia.
20. Bukanlah ekonomi sahaja yang dijadikan politik kebangkitan. Kekuatan ketenteraan selaku nadi kembar gerakan. Amat dibangunkan sebagai sandaran suatu jaminan. Agar pengaruh ekonominya berkembang diiringi kepertahanan.
21. Membina ketenteraan dan kepertahanan sentiasa tegar. Di samping mencorakkan diplomasi serba mencabar. Sudah pun kelihatan angkara-angkara tersebar. Lautan China dijadikan medan pergeseran terbesar.
22. Segala pulau dan beting di Lautan China Selatan. Dihujahkan sebagai milik warisan. Mewujudkan pergeseran dalam tuntutan. Antaranya Negara Malaysia tidak ketinggalan.
23. China menyebutkan bukti sejarah. Pulau-pulau tersebut kepadanya pernah berwilayah. Andainya ke pihak lain jadi terserah. Dikatakan “mengaibkan” generasi keturunan kehilangan maruah.
24. Tuntutan negara-negara ASEAN tidak dihiraukan. Malahan keputusan Mahkamah Tribunal ketara dikesampingan. China menunjukkan sikap garang membuat sanggahan. Non – acceptance, Non– participation, and Non – execution, lantang diisytiharkan.
25. Di pulau dan beting tertentu yang diduduki. Pemugaran bumi dan alam sekitar amat tersaksi. Tapak dan infrastruktur ketenteraan dibina ketara sekali. Terhadap Undang-Undang Kebebasan Kelautan melahirkan kontroversi.
26. Sehingga terkini. Malaysia dilihat semacam kesepian. Dari sudut ASEAN tidak bermaya mengusahakan kebersamaan. Politik China amat licik merencanakan kesempatan. Mempengaruhi negara tertentu tidak berpadu menyokong tuntutan.



27. Amerika yang melihat kuasa China selaku ancaman.  
Merupakan pesaing kepadanya sebegitu berangkuhan.  
Tidak berdiam melainkan mengisytiharkan penentangan.  
Bahawa Lautan China Selatan itu bebas bagi seluruh laluan pelayaran.
28. Tidak selamanya tuntutan Malaysia, tinggal dalam kesenyapan.  
Malaysia perlu bertindak, kedaulatan negara tidak diperjudikan.  
Sementara China yang semacam menjinakkan Malaysia dalam persahabatan.  
Hendaknya jangan membelit Malaysia dengan angkara penjahahan.
29. Kes pulau "milikan" Malaysia di Lautan China Selatan.  
Akan berlanjutan lama menyedarkan Malaysia memelihara kedaulatan.  
Hubungan "saling berdagang yang menjanjikan" kemakmuran.  
Bukanlah alasan bagi China bersikap biadab melakukan pencerobohan.
30. Berbalik kepada cerita peristiwa rombongan.  
Pak Menteri Perdana melafazkan sepenuh kebanggaan.  
Dipermaklumkan pencapaian dagangan dan pelaburan.  
Nilaian RM 144 billion merupakan kejayaan perolehan.
31. Terjalinlah hubungan ekonomi dianggap mesra bersahabatan.  
Dengan 14 MOU begitu megah disepakatkan.  
Oleh akhbar-akhbar tempatan dipaparkan sepenuh pujian.  
Disogokkan kenyataan Malaysia-China makin erat ke hadapan.
32. Kejayaan di Beijing diisytiharkan begitu tinggi.  
Menandakan prestasi misi amat menyinari.  
Dikatakan Presiden China menunjukkan perhatian cara sendiri.  
Cenderung menghargai Malaysia selaku rakan terpuji.
33. Namun kebanggaan misi melahirkan pelbagai persepsi.  
Pemerintah Negara menampilkan sambutan sepenuh inspirasi.  
Politik rakyat sebaliknya menyambut secara berhati-hati.  
Justeru jangka panjangnya, bakal tercetus kontroversi yang dikhuatiri.
34. Banyaklah hartanah sudah Negara China perolehi.  
Demi menapakkan pelaburan yang berdominasi.  
Seiring itu ciri-ciri ke Chinaan yang sejati.  
Di bumi Malaysia bakal gigih berperanan mempengaruhi.
35. Wujudnya entiti hartanah dan kawasan dimiliki China.  
Tentunya berekoran dengan transformasi kewargaan mencetuskan dilema.  
Demografi dan pola-pola penempatan kerakyatan begitu terbuka.  
Menyediakan ruang, kelak menampilkan kejutan berita dan cerita.
36. Menerimalah golongan bumiputera hakikat TN50-an.  
Bumi yang diwarisi semestinya "berkecacatan".  
Begitu besar pengaruh China dari dalaman dan luaran.  
Politik dan Sosial Malaysia bakal getir bertemu cabaran.
37. Hakikat berjaya misi dagang pertemuan.  
Negara nampaknya berhasrat mencipta sejarah berkekalan.  
Namun dengan Sang Naga, cekapkah kita bertari-tarian?  
Ketika kita kelihatan umpama Pak Belang kurang bergigitan.

# BRITISH LIBRARY

Oleh  
HAJI MD ISA HAJI ZAKARIA



British Library yang terletak di Euston Road di St.Pancras, London, NW1 ditubuhkan pada 1 Julai 1973 melalui British Library Act 1977. Sebelum itu, British Library adalah sebahagian daripada British Museum. Ia merupakan perpustakaan yang kedua terbesar di dunia. Ia telah berjaya mengumpul lebih 150 juta item daripada beberapa buah negara. Di dalam perpustakaan British Library terdapat 13,950,000 buku berbagai judul, 824,101 siri *titles*, 351,116 manuskrip (*singles and volume*), 8,266,276 *item philatelic*, 4,347,505 item katagrafi, 1,607,885 skor muzik dan 6,000,000 rakaman audio.

Pada 23 Mac 2017, saya telah menjadi tetamu kepada Y.Bhg. Dato' Dr Annabel Teh Gallop, Lead Curator, Southeast Asia. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang Maritime Southeast Asia. Beliau menganggotai Editorial Board member of Indonesia and the Malay World, International Advisory Board member of Manuscripta Orientalia dan Ahli Lembaga Penasihat Jurnal, Malaysia dari segi Sejarah (*Malaysia in History*).

Saya telah berpeluang meninjau tempat menyimpan manuskrip Melayu Asia dan Afrika. British Library menyimpan sejumlah yang agak besar manuskrip Melayu. Kebanyakannya adalah mengenai kesusasteraan, sejarah dan undang-undang bertarikh dari kurun ke-1 hingga ke kurun ke-19. Antara koleksi tertua yang tersimpan di British Library ialah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Raja-Raja Pasai* dan beberapa buku hikayat *Hang Tuah*, *Sulalatul Salatin* (*Sejarah Melayu*), *Taj al-Salatin*, *Undang-undang Melaka* dan *Adat Aceh*. Terdapat juga surat-surat dan dokumen (*legal documents*) dalam Bahasa Melayu. Antaranya ialah surat-surat daripada Raja-Raja Melayu kepada Raja Inggeris (King George V) sekitar tahun 1932.

British Library telah menerbitkan Katalog Manuskrip Naskhah-naskhah Indonesia di Great Britain yang diusahakan oleh M.C. Ricklefs, P. Voorhoeve dan Annabel Teh Gallop. Katalog yang terkandung di dalam buku tersebut sungguh menarik sekali. Kita dipaparkan tentang manuskrip seluruh Indonesia termasuk manuskrip





Pintu masuk British Library

Y. Bhg. Dato' Dr. Annabel Teh Gallop menerima  
Jurnal Malaysia in History

Berada di pintu masuk Asian &amp; African Studies

Melayu. Dalam Royal Asiatic Society di British Library terdapat koleksi penulis seperti Farquhar I ada 10 judul di antaranya ialah Undang-Undang Raja, Stamford Raffles ada 80 judul antaranya ialah Sejarah Melayu dan Maxwell ada 105 judul di antaranya ialah Tahfat an-Nafis. Kandungan katalog ini juga turut menyenaraikan beberapa orang penulis daripada Malaysia seperti Prof Dr Ahmad Adam. *Letters of*

*Sincerity: The Raffles Collection of Malay Letters (1780-1824)*, a descriptive account with notes and translation, Kuala Lumpur. Dr Wan Ali Wan Mamat, *Katalog manuskrip Melayu di Singapura* - Perpustakaan Negara Malaysia dan Prof. Dr. Ismail Hussein, *Hikayat Negeri Johor: A nineteenth century Bugis history relating events in Riau and Selangor*.

# — ALLAHYARHAM DATO' HAJI — ZAINUDDIN BIN HAJI JUMAAT

## *Dalam Kenangan*

Oleh  
AZLINA DATO' ZAINUDDIN



Pemergian ayahanda allahyarham Dato' Haji Zainuddin bin Haji Jumaat pada tanggal 20 September, 2016 setelah pemergian bonda allahyarhamah Datin Azal binti Ahmad pada tanggal 07 September, 2016, yakni 2 minggu sesudah itu, saya seisi keluarga menerima dengan penuh keredhaan. Kedua-duanya disemadikan di Tanah Perkuburan Taman Setali, Kuantan, Pahang.

Allahyarham Dato' Haji Zainuddin dilahirkan pada 16 September, 1933 di Pulau Rusa, Pekan (Pahang). Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu di Pekan. Setelah menamatkan pelajarannya di Sekolah Melayu, beliau menjadi seorang guru tidak terlatih di Sekolah Melayu Pekan (Pekan), dan Sekolah Melayu Pulau Rusa (Pekan) bersama ayahandanya, Haji Jumaat. Kemudian, beliau turut mengajar di Sekolah Melayu Tanjung Lumpur (Kuantan). Minatnya terhadap profesion perguruan banyak dipengaruhi oleh ketokohan

ayahandanya Haji Jumaat sebagai seorang Guru Melayu zaman awal pemerintahan kolonial British. Bintang allahyarham Dato' Haji Zainuddin semakin cerah apabila beliau lulus ujian, dan diterima menyambung pelajaran di Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim, Perak. Selang beberapa tahun, beliau menyambung pelajaran lagi dalam bidang Bahasa Melayu di Institut Bahasa, Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

Setelah menamatkan pelajaran di Institut Bahasa, beliau telah dihantar bertugas sebagai Guru Bahasa Melayu di SMJK Pei Hwa, Sungai Mati, Johor. Di sinilah beliau mengenali isterinya yang tercinta Allahyarhamah Datin Azal Ahmad, lalu bernikah pada bulan Disember, 1960. Beberapa tahun kemudian, allahyarham Dato' telah bertukar ke Pahang, dan mengajar di SMK St. Thomas, Kuantan.

Cinta Allahyarham Dato' terhadap ilmu amat terserlah apabila beliau berjaya menyambung pelajarannya dalam bidang pendidikan di Universiti Malaya selepas pilihanraya umum tahun 1969. Setelah memperolehi ijazah Sarjana Muda (1972), beliau kembali mengajar di Pahang, iaitu di SM Abdul Rahman Talib (SMART), Kuantan. Sepanjang kerjayanya dalam pendidikan, Allahyarham Dato' pernah dilantik sebagai Pengetua di SM Alor Akar dan SMART, dan Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Pendidikan, Pahang. Beliau telah menamatkan perkhidmatannya dalam sektor pendidikan sebagai Pengetua SMART, Kuantan.

Selain amat meminati bidang pendidikan. Allahyarham Dato' turut berminat dalam bidang politik. Sumbangannya dalam bidang politik dihargai apabila beliau berjaya memenangi pilihanraya umum, dan menjadi ADUN Kawasan Penor (N16) di Pahang. Setelah sepenggal sebagai ADUN Kawasan Penor, beliau terus menabur bakti dalam pertubuhan bukan kerajaan. Beliau bergiat cergas dalam beberapa pertubuhan seperti : Persatuan Kompang, Persatuan Perniagaan Melayu Pahang, Persatuan GAPENA, Ahli Alumni Suluh Budiman (UPSI), Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP), Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan Pahang, AJK Majlis Kebudayaan Negeri Pahang (MKN), PDP Guru Melayu Pahang, UMNO, dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang (PSMCP).

Sepanjang pengetahuan saya, Allahyarham

Dato' telah memberi sumbangan yang besar kepada PSMCP. Sebagai Setiausaha Kehormat, beliau menjadi perancang dan penggerak utama kepada persatuan ini. Beliau juga mudah didekati, mudah berbicara, amat mesra sesama rakan, dan sering menghadiri aktiviti-aktiviti anjuran PSM di peringkat negeri mahupun peringkat pusat. Minatnya dalam bidang sejarah dan budaya tidaklah terperi. Sehingga dalam usia 80-an pun, beliau masih giat menghadiri seminar, simposium dan konvensyen dalam bidang sejarah dan budaya di serata negeri di Semenanjung Malaysia. Dalam PSMCP, beliau banyak mencetuskan idea dan menggerakkan persatuan dalam pelbagai aktiviti seperti penyelidikan, penulisan, bengkel, seminar, kuiz, dan lawatan. Sebagai aktivis sejarah dan budaya, akhirnya beliau telah dinobatkan sebagai Tokoh Seni Budaya Pahang 2015.

Atas sumbangan dan jasa-jasa dalam bidang sejarah dan budaya juga, maka beliau dianugerah darjah kebesaran D.I.M.P yang membawa gelaran Dato' oleh DYMM Baginda Tuanku Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah.

Allahyarham Dato' mempunyai 5 orang anak, menantu dan 16 orang cucu. Beliau amat dikasihi oleh keluarga, jiran tetangga, teman karib, dan rakan-rakan dalam pertubuhan. Sesungguhnya pemergian beliau amat terasa, dan satu kehilangan besar kepada organisasi sosial yang diceburinya. Jasanya sentiasa abadi dalam lipatan sejarah. –Al- Fatimah.

## NAMA LAMA, NAMA BARU

Jesselton	➔	Kota Kinabalu
Bombay	➔	Mumbai
Bandar Aceh	➔	Banda Aceh
Port Swettenham	➔	Pelabuhan Klang
Madras	➔	Chennai
Calcutta	➔	Kolkata
Bangalore	➔	Bengaluru
Rangoon	➔	Yangon
Port Weld	➔	Kuala Sepetang

# TOKOH

## DATO' SETIA WANGSA SIR MAHMUD BIN MAT

### MENTERI BESAR PAHANG PERTAMA (1948 - 1951) dan PRESIDEN PSM YANG PERTAMA

Oleh  
DRS. WAN AMINUDDIN BIN WAN AB HAMID, AMP



Mahmud bin Mat, anak jati kelahiran sebuah desa di tebing utara Sungai Pahang, di Terusan Pahang Tua, Pekan (Pahang) sekitar 1894 ini wajar menjadi inspirasi kepada generasi sekarang kerana rekod-rekod perkhidmatannya yang sangat cemerlang. Anak keempat daripada lima orang adik-beradik ini, membesar dalam kehidupan masyarakat desa : jelapang padi, kerap mengalami banjir, jual beli menggunakan wang tampang, tebal kepercayaan bomoh, dan kuat terikat dengan feudalisme yang dicirikan oleh kelas

bangsawan, kelas pertengahan, dan hamba sahaya di Pahang. Ketika Mahmud Mat dilahirkan, Pahang di bawah pemerintahan Sultan Pahang Moden 1, Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah (1882-1914). Ayahandanya, menjadi pegawai di Istana Pahang, dan amat rapat dengan Pemangku Raja, Tengku Mahmud ibni Sultan Ahmad.

Mahmud mendapat pendidikan rendah di Sekolah Melayu Pekan (1900) yang dibuka seawal 6.30 pagi hingga 11.00 pagi dengan berbekalkan wang saku 2 sen oleh bondanya. Kemajuan akademik beliau agak memuaskan meskipun kehadiran ke sekolah tidak menentu, dan kadangkala ponteng. Meskipun begitu, Mahmud Mat telah lulus Peperiksaan Darjah IV (Sekolah Melayu, 1906) dengan cemerlang. Setelah tamat sekolah rendah, beliau membuat kerja-kerja kampung dan pernah bekerja dengan abang iparnya sebagai tukang masak, jurumudi dan pendayung tongkang di samping khatam al-Quran. Pada 1 Mei, 1909, menjunjung titah perintah Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahmud ibni Sultan Ahmad, bonda Mahmud Mat terpaksa mengizinkan puteranya memasuki Malay College Kuala Kangsar (MCKK) bersama 2 orang pelajar dari Pekan : Hussein bin Mohamad Taib (ayahanda Tun Abdul Razak), dan Ahmad Hj. Husin.

Setelah lulus Peperiksaan Darjah VII (MCKK) Jun, 1912 atas dorongan Mr. May (Pemangku MCKK) dan perkenan Tengku Mahmud (Pemangku Raja Pahang), Mahmud diterima masuk ke Kelas Khas (Skim Perkhidmatan Pegawai Rendah

Melayu) yang baru diperkenalkan di MCKK dengan elaun \$25 (Wang British) sebulan. Bulan Mei, 1915 Mahmud Mat telah lulus Peperiksaan Kelas Khas.

Mahmud memulakan kerjaya sebagai Penolong Pemungut Hasil Tanah di Pejabat Daerah Kuala Pilah (Julai, 1915), Pejabat Setiausaha Persekutuan – Kuala Lumpur (Mei, 1916), dan Pejabat Tanah Tampin (Ogos, 1916). Sewaktu, di Tampin ini jugalah Mahmud Mat mula diberi tugas sebagai Majistret Kelas Kedua. Mahmud telah lulus Peperiksaan Undang-Undang (Mac, 1917) yang melayakkan beliau di naikkan sebagai Pegawai Kanan dalam Perkhidmatan Awam.

Seterusnya, beliau bertugas sebagai Timbalan Pegawai Daerah Kelang (Julai, 1920), Penolong Pegawai Daerah Temerloh (Disember, 1921), dan Penolong Pegawai Daerah Lipis (April, 1924). Sewaktu bertugas di Daerah Lipis, Pahang berada dalam era pemerintahan DYMM Sultan Abu Bakar ibni Sultan Abdullah (Sultan Pahang IV), manakala Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai Dato' (Engku) Wan Tanjung bin Dato' Wan Muhamad (OKIMPJ Ke-8, 1916-1935) merupakan elit tradisional yang berwibawa di sana. Kuala Lipis menjadi ibu negeri Pahang (1891-1955). Mahmud kemudian bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Kuantan (Mei, 1927), Pejabat Daerah Setiawan (Mei, 1929). Beliau dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Daerah Hulu Perak Kelas III (Ogos, 1932), dan Pejabat Tanah Perlis (1935-1938). Mahmud berpeluang bercuti panjang (April-September, 1938) di Eropah, dan melawat tempat-tempat penting antaranya Monte Carlo, Paris, Bristol, Glasgow, Edinburg, London, Brussels, Berlin, dan Vienna. Sekembalinya dari Eropah, beliau bertugas sebagai Pegawai Daerah Batang Padang (September, 1938).

Pelanggaran Jepun di Tanah Melayu (Disember, 1941) menyebabkan kerjaya Mahmud terjejas. Beliau dan keluarganya

terpaksa balik kampung dari Tapah ke Pekan melalui perjalanan yang sukar dan getir. Dalam perjalanan, beliau seisi keluarga bernasib baik mendapat perlindungan dan tinggal bersama keluarga Dato' Hussein (ayahanda Tun Razak), dan Tengku Muhamad (Putera Pahang) di Kg. Mempateh (Semantan). Kemudian, dapat pula berjumpa almarhum Sultan Abu Bakar yang ketika itu berlindung di Temerloh. Mahmud kembali bertugas sebagai Pegawai Daerah Pekan dan Kuantan dalam Pentadbiran Jepun di Pahang. Namun begitu, Mahmud ditangkap bersama almarhum Sultan Abu Bakar oleh Force 136 (Ogos, 1945) sewaktu perjalanan balik dari Kuala Lipis ke Pekan. Atas ketokohnya sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam (MCS) dari Pahang, maka Mahmud Mat dikurniakan gelaran Dato' Setia Wangsa (Orang Kaya Lipis Ke-15) sekitar tahun 1948 menggantikan Tok Kaya Awang Perang bin Tok Kaya Sentol@Wan Sentol (Orang Kaya Lipis Ke-14). Beliau adalah satu-satunya Orang Kaya Lipis yang dilantik bukan daripada jalur keturunan asal Tok Kaya Lipis.




Hussein - Mahmud - Ahmad

Nama Dato' Setia Wangsa Mahmud Mat terus menjulang apabila nama beliau diperkenan oleh almarhum Sultan Abu Bakar sebagai Menteri Besar Pahang Pertama (1948-1951). Kemudian, beliau diamanahkan memegang portfolio Tanah, Lombong dan Komunikasi dalam Kabinet Sistem Ahli Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1951). Atas khidmat yang sangat cemerlang ini juga, beliau telah dikurniakan pingat "Knighthood" (Kesatria) oleh Kerajaan British sekitar tahun 1952 yang membawa gelaran "Sir".

Dalam Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), Dato' Setia Wangsa Sir Mahmud Mat pernah menyandang jawatan YANG DIPERTUA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA (1953-1956).

Latar belakang kehidupan dan perkhidmatan tokoh berwibawa ini secara parameter dapat dibaca dalam nukilannya sendiri (autobiografi), **TINGGAL KENANGAN** yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa & Pustaka (1999).



# NAMA PELIK YANG BENAR-BENAR WUJUD DI MALAYSIA

## BATAK RABIT

Batak Rabbit terletak di tepi Sungai Perak, berhampiran dengan Teluk Intan, daerah Hilir Perak, negeri Perak. Batak Rabbit mendapat nama dari kejadian seorang Orang Asli suku Batak yang teliganya terputus atau carik.

## DESA BERTEMU JODOH

Tempat ini dikatakan mendapat nama sempena majlis perkahwinan secara serentak membabitkan 24 pasangan suami isteri yang kebanyakannya adalah peserta Rancangan Tanah Muda kelolaan kerajaan negeri Johor.



## MAMBANG DI AWAN

Ada juga yang mengatakan ia bermula dengan sekumpulan pelombong bijih timah yang telah bekerja keras sepanjang hari dan apabila mereka berehat, mereka ternampak bidadari di awan-awan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa nama Batan Tonggang kemudian menjadi Mambang Di Awan.



## KAMPUNG ATAS TOL

Tanah gersang yang tidak bernama itu sekadar disebut 'di atas' atau 'atas tu' sahaja, lama-kelamaan ia telah menjadi bahan percakapan dan akhirnya panggilan 'ATAS TU' atau 'ATAS ITU' disebut dengan Atas Tol.



## KAMPUNG BARU JUMPA

Kampung Baru Jumpa terletak kira-kira 25 kilometer dari pekan Tenom yang sebahagian besarnya dihuni oleh masyarakat etnik Lundayeh kini merupakan sebuah kampung yang maju dan menjadi kampung contoh dan terkenal dengan hasil pertaniannya seperti padi, koko dan getah.

## BATANG MELAKA

Batang Melaka ialah sebuah mukim dalam daerah Jasin, negeri Melaka. Pekan Batang Melaka pula adalah sebuah pekan kecil yang sebahagian daripadanya dalam daerah Jasin negeri Melaka dan sebahagian lagi daerah Tampin, Negeri Sembilan.

## KOTA SARANG SEMUT

Nama asal ialah Kota Sareng Samut - kota yang ditinggalkan dalam bahasa Siam yang lama-kelamaan jadi Sarang Semut. Alternatif lain mengatakan selepas perang tamat (zaman dulu kala), kota yang ditinggalkan bersama makanan dihurung semut lalu jadi Kota Sarang Semut.

# MENELUSURI SEJARAH MENGKEBANG ESTATE

Oleh  
DR ZAHIDI DATO' HJ ZAINOL RASHID

Majlis Sembang-Sembang Sejarah bertajuk 'Menelusuri Sejarah Mengkebang Estate' telah diadakan pada 6 Mei 2017 bertempat di Wisma Sejarah. Yang Mulia Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Sharifadeen, Chairman Mengkebang Rubber Company Sdn Bhd telah hadir sebagai pembicara dalam program tersebut. YM Datuk Dr Tengku juga adalah mantan ketua pengarah MIMOS dan pernah menjawat jawatan Dekan Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya. PSM amat berpuas hati dengan kehadiran dan sambutan untuk program ini. Selain dari ahli-ahli PSM, turut hadir adalah ahli keluarga dan rakan-rakan Datuk Dr Tengku Azzman. Ada juga yang datang jauh dari Kota Bharu khususnya dari Pasir Pekan untuk mengikuti majlis ini.

Datuk Dr Tengku menerangkan bahawa Ladang Mengkebang ditubuhkan oleh nenek moyang beliau iaitu Raja Patani iaitu Al-Marhum Tengku Abdul Kadir Kamarudin (1899-1902), Raja Patani yang terakhir. Pada tahun 1902, Raja Thai mahu menghapuskan sistem kerajaan beraja di 7 wilayah takluk Patani dan diletakkan di bawah Raja Siam. Tengku Abdul Kadir tidak setuju menandatangani persetujuan tersebut. Oleh sebab itu beliau telah ditangkap dan dihantar ke tempat kurungan di Phitsanulok. Selepas dua tahun dan sembilan bulan, beliau menerima kebenaran dari Raja Siam untuk kembali ke Patani. Selepas kembali ke Patani, beliau tidak lagi mahu tinggal di Patani dan segera berangkat tinggal di Kelantan sehingga beliau meninggal dunia pada 1933. Menurut sejarah, Raja Patanilah yang menubuhkan Ladang Mengkebang.

Industri getah asli di Malaysia bermula pada tahun 1877 di Kuala Kangsar, Perak. Secara ringkasnya, pokok getah berasal dari Brazil. Pada tahun 1876, 70,000 biji getah dari Brazil di bawa ke Kew Garden, London oleh Wickham. Sebanyak 2,000 anak getah telah dapat dihidupkan. Sebahagian daripada pokok getah itu dibawa ke Sri Lanka. Sebanyak 11 pokok dihantar ke Taman Botani di Singapura dan 9 pokok telah dihantar ke Kuala Kangsar sebagai



Al-Marhum Tengku Abdul Kadir Kamarudin

pokok perhiasan. Pokok getah tersebut ditanam oleh H. N. Ridley, Pengarah Taman Botani Singapura. Pada tahun 1905, Ladang Mengkebang telah dibuka. Pada tahun 1916, pokok getah seluas 421 ekar ditanam di Mengkebang. Hampir kesemua pengurus estate adalah terdiri dari orang Inggeris. Orang Melayu tidak dibenarkan menanam getah. Pokok getah yang ditanam dari biji hanya boleh didapati hasilnya selepas 10 tahun baru boleh ditoreh. D. O. Kuala Krai telah melawat Ladang Mengkebang. Pada waktu itu terdapat 60 coolie yang bekerja di Ladang itu. Pengurus Mengkebang Estate pada masa itu ialah En. Sulaiman dari Labuan. Pada tahun 1929, Tunku Ismail adalah pengurus Ladang Mengkebang. Beliau adalah bapa kepada YBM Tengku Sri Maharaja Tengku Tan Sri Ahmad Rithaudeen ibni YAM Tengku Mek Haji Ismail. Tengku Ahmad Rithaudeen lahir di Ladang Mengkebang.





Pengerusi PSM menyampaikan cenderahati kepada Yang Mulia Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Sharifadeen



Antara tetamu yang hadir

Pada keseluruhannya sebagai kesimpulan, Ladang Mengkebang telah memberi pengajaran, pedoman dan teladan kepada kita. Raja Patani yang membuka Ladang Mengkebang bersikap pragmatik. Beliau kehilangan sebuah kerajaan apabila Raja Siam menghapuskan sistem kerajaan beraja tetapi beliau tetap dengan keperibadian yang tinggi dan tidak berputus asa dan sentiasa memandang ke hadapan.

Beliau membuka ladang getah pertama di Tanah Melayu pada 1905. Penanaman getah adalah satu komoditi yang baru. Beliau berani meneroka dan mencuba sesuatu yang baru. Pada masa itu kerajaan British tidak membenarkan bangsa lain dari Inggeris mengusahakan penanaman getah. Kemungkinan oleh sebab beliau adalah seorang bekas raja British membenarkan beliau mengusahakan penanaman getah. Wan Ali yang berasal dari Minangkabau telah ditugaskan untuk membuka ladang Getah Mengkebang. Wan Ali juga mempunyai kapal

bernama 'Bintang Timur'. En. Sulaiman dari Labuan telah diambil menjadi pengurus ladang getah tersebut. Amat menarik di sini kerana ada terdapat orang di luar Kelantan yang terlibat di dalam projek penanaman getah di Mengkebang. Juga menarik di sini memandangkan getah adalah komoditi baru sudah tentu terdapat 'technology transfer' di sini. Raja Patani sanggup menanggung risiko kerana untuk mendapat benih biji getah yang hanya boleh didapati di Singapura ianya perlu ditukar dengan jongkong emas. Tidak ada perebutan harta di Ladang Mengkebang yang sehingga sekarang masih dimiliki oleh seorang individu sahaja.

Ladang Mengkebang telah wujud lebih 100 tahun dan kini dijalankan oleh generasi keempat. Banyak pengajaran yang kita boleh belajar dari Ladang Mengkebang. Sikap pragmatik Raja Patani yang mempunyai semangat keusahawanan yang tinggi meneroka bidang baru yang terus wujud sehingga sekarang.




Gambar kenangan Majlis Sembang-Sembang Sejarah

# RESENSI BUKU

Judul : AMARAN  
 Penulis : A.H. EDRUS  
 Penerbit : PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
 Cetakan : 2016  
 Halaman : 68

Buku berjudul "Amaran" setebal 68 halaman ini ditulis oleh A.H. Edrus. Buku ini diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia (2016). Buku ini memaparkan kekhawatiran orang Melayu sebelum merdeka tentang kedudukan mereka sebagai anak watan Tanah Melayu. Melihat perkembangan yang berlaku ketika itu, rentetan usaha British menubuhkan Malayan Union, penulis telah mengatakan buku ini untuk memberi ingatan dan amaran kepada orang Melayu supaya beringat-ingat dan memberi perhatian serius kepada bahaya yang akan meruntuhkan kedudukan politik dan taraf orang Melayu. Penulis telah mengupas bahaya yang akan dihadapi dan derita yang akan ditanggung jika orang Melayu menjadi bangsa asing di dalam negerinya sendiri. Orang Melayu hanya ada kuasa politik tetapi tidak ada kuasa ekonomi dan dari segi pelajaran juga jauh ketinggalan berbanding bangsa asing. Tetapi apabila rancangan untuk menukarkan bangsa Melayu kepada bangsa Malayan yang akan memasukkan bangsa lain yang ada di Malaya, akan luputlah hak orang Melayu di dalam negerinya sendiri. Penulis menyarankan orang Melayu bersatu mempertahankan hak dan maruah mereka. Persatuan Sejarah Malaysia dalam usaha memartabatkan sejarah Malaysia telah mengusahakan penerbitan buku sejarah tanah air. PSM mendapati ada terdapat banyak buku sejarah yang diterbitkan sebelum merdeka yang memperkatakan tentang kedudukan orang Melayu di dalam ekonomi, pelajaran dan sosial yang juga relevan dengan keadaan sekarang. PSM mengambil inisiatif menerbitkan semula terbitan yang ditulis pada masa lampau supaya kita dapat membuat perbandingan dan mendapat inspirasi serta melihat betapa penulis dahulu begitu berani dan gigihnya menentang penjajahan. Oleh sebab buku-buku ini ditulis



dalam teks jawi, PSM mengambil inisiatif mentraliterasi kepada rumi supaya generasi sekarang dapat membaca dan mendapat motivasi dari penulis-penulis lampau. Untuk itu pihak PSM akan menerbitkan siri buku-buku tersebut di bawah Siri Hubaya-Hubaya.



# SALAM TAKZIAH



**EN. OTHMAN WOK**  
BEKAS TIMBALAN KETUA PENGARANG  
UTUSAN MELAYU  
MANTAN MENTERI KEBUDAYAAN  
DAN HAL EHWAL SOSIAL SINGAPURA  
(1963-1977)  
telah meninggal dunia  
pada 17 APRIL 2017



**EN. SIRI NENG BUAH**  
TOKOH WARISAN KEBANGSAAN ORANG HIDUP  
MANTAN BEKAS PENGARAH BAHAGIAN WARISAN  
TIDAK KETARA  
telah meninggal dunia  
pada 18 APRIL 2017



**KARTINA DAHARI**  
PENYANYI & PELAKON  
telah meninggal dunia pada  
23 APRIL 2017



# SEKALUNG TAHNIAH



**DATO' ABDUL ADZIS ABAS**  
**AHLI MAJLIS**  
**KETUA PENGARAH**  
**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

Dianugerahkan gelaran  
**DATO'**  
oleh Raja Perlis  
pada 2017



**PROF MADYA**  
**DR MOHD SHAMSUDDIN**  
**AHLI JKE**

Dilantik sebagai  
**PROF MADYA**  
daripada UKM  
pada 2017




**HJ MOHAMAD HARUN**  
**J/K PSM CAW. PERLIS**

Dianugerahkan  
**TOKOH PERSURATAN PERLIS**  
pada 2016




## BUKU-BUKU TERBITAN PSM




### **Amaran**

Penulis: A. H. Edrus  
Halaman: 68  
Tahun Terbitan: 2016  
Harga: RM 20.00




### **Malaya Dalam Bahaya**

Penulis: Muhammad Fadlullah Suhaimi al Zahri  
Halaman: 36  
Tahun Terbitan: 2016  
Harga: RM 18.00



### **Kapitan Melayu**

Penulis: Mohamed Ahmad Sawall  
Halaman: 263  
Tahun Terbitan: 2015  
Harga: RM 40.00



### **Diaspora Melayu Cam**

Penulis: Mohamad Zain Musa  
Halaman: 164  
Tahun Terbitan: 2011  
Harga: RM 40.00